

<input checked="" type="checkbox"/> Berita Harian
<input type="checkbox"/> Berita Minggu
Tarikh: 10/3/2011
Hari: KHAMIS M/S: 15
Ruangan: URS 11

IPT jadi pusat lahir atlet negara

SUKAN

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bharian.com.my

SEBANYAK 25 institusi pengajian tinggi (IPT) awam termasuk satu IPT swasta di seluruh negara dipilih untuk menjayakan Program Pembangunan Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) dan Program Pembangunan Pusat Sukan Tumpuan (PST).

Daripada jumlah itu lapan dipilih untuk melaksanakan kedua-dua program yang diyakini mampu melahirkan atlet negara bertaraf dunia dalam temasya Sukan Olimpik, Sukan Komanwel dan Sukan Asia pada masa depan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata lapan universiti terpilih sebagai PKS dan 25 IPT terpilih sebagai PST.

"Pemilihan IPT ini diharap dapat meningkatkan atlet yang bermutu dan mampu menaikkan nama negara pada masa depan," katanya.

Mohamed Khaled berkata demikian ketika berucap pada majlis Kecemerlangan Sukan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) 2010, Penyampaian Geran Penyelidikan Sukan KPT dan Pelancaran Liga Bola Sepak IPT Piala Menteri Pengajian Tinggi di Putrajaya, baru-baru ini.



UMS terpilih menjayakan program PST bagi acara bola sepak.

Mohamed Khaled berkata Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dipilih bagi acara menembak bersesuaian dengan kemahiran universiti terbabit, manakala IPT swasta tunggal terpilih ialah Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) bagi acara hoki.

Beliau berkata, dua politeknik turut dipilih melak-

sanakan PST iaitu Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Arau, Perlis (PTSS) dalam acara sepak takraw dan Politeknik Merlimau, Melaka (tenpin bowling).

"Turut tersenarai ialah dua kolej komuniti iaitu Kolej Komuniti Hulu Langat, Selangor (KKHL) yang melaksanakan acara ping pong dan Kolej Komuniti Paya Besar,

Pahang (KKPB) bagi acara bola tampar," katanya.

Sementara itu, Ketua Setiausaha KPT, Ab Rahim Md Noor berkata Kementerian mengambil berat pembabitkan pelajar IPT dalam kegiatan kokurikulum terutama sukan untuk melahirkan modal insan seimbang meliputi perkembangan akademik, fizikal, mental dan rohani.

INFO

PUSAT KECEMERLANGAN SUKAN:

IPT	Sukan
Universiti Malaya	bola jaring
Universiti Sains Malaysia	renang
Universiti Kebangsaan Malaysia	kriket
Universiti Putra Malaysia	ragbi
Universiti Teknologi Malaysia	mendayung
Universiti Teknologi MARA	bola sepak
Universiti Utara Malaysia	golf
Universiti Malaysia Sabah	tae kwan do

PUSAT SUKAN TUMPUAN:

IPT	Sukan
Universiti Malaya	badminton
UKM dan UTM	bola tampar
Universiti Putra Malaysia	memanah
Universiti Teknologi MARA	sepak takraw
Universiti Utara Malaysia	ping pong
Universiti Malaysia Sabah	bola sepak
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	futsal
Universiti Malaysia Sarawak	tenpin bowling
Universiti Pendidikan Sultan Idris	hoki dewan
Universiti Sains Islam Malaysia	tae kwan do
Universiti Malaysia Terengganu	squasy
Universiti Tun Hussien Onn Malaysia	silat
Universiti Teknikal Malaysia Melaka	basikal
Universiti Malaysia Pahang	bola keranjang
Universiti Malaysia Perlis	tenis
Universiti Sultan Zainal Abidin	memanah
Universiti Malaysia Kelantan	boling padang
Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)	hoki
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Arau	sepak takraw
Politeknik Merlimau, Melaka	tenpin bowling
Kolej Komuniti Hulu Langat	ping pong
Kolej Komuniti Paya Besar, Pahang	bola tampar